

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Dua Belas

Prinsip Rohani, Pelajaran Hayat, dan Amaran Kudus tentang Kenikmatan terhadap Tanah Permai yang Diperlihatkan pada Lima Watak Utama dalam 1 dan 2 Samuel

Bacaan Bible: 1 Sam. 2:27-30, 35; 3:21; 12:3-5, 23; 18:1-4; 23:16-18;
9:1-2, 17; 13:13-14; 15:19, 23; 16:1, 12-13; 30:6b-10; 26:19b; 2 Sam. 11:1-27

I. Di bawah Eli, kehentaran Harun yang lama menjadi lapuk dan merosot (1 Sam. 2:12-30), dan Tuhan hendak memperoleh satu permulaan baru untuk menyempurnakan ekonomi-Nya:

- A. Kita semua perlu menolak segala kelapukan, kelamaan, kesuaman, dan kesombongan, serta memelihara diri kita agar sentiasa kosong, terbuka, segar, baru, hidup, dan muda terhadap Tuan; untuk bersatu dengan Kristus, dipenuhi Kristus, dan diduduki Kristus agar berhidupkan Kristus demi pembinaan Tubuh Kristus yang organik, kita perlu bersatu dengan hasrat-Nya—Wahi 3:15-22; Luk. 18:17; Flp. 3:7-14; Gal. 1:15-16; 2:20; 4:19; Ef. 4:16.
- B. Pada zaman Eli, jarang-jarang ada sabda Tuhan; pembicaraan Tuhan hampir hilang (1 Sam. 3:1); dalam kehentaran, perkara pertama yang harus dilakukan hentar ialah berbicara untuk Tuhan (Kel. 28:30); hentar harus menjadi seorang yang intim dengan Tuhan, yang bersatu dengan Tuhan, mengenali hati Tuhan, dan berbicara keluar ajaran unik yang sihat tentang ekonomi abadi Tuhan (1 Tim. 1:3-4; 6:3).
- C. Eli mengajar Samuel untuk berkata kepada Tuan, “Bersabdalah, O Yehova, kerana hamba-Mu sedang mendengar”; untuk berbicara bagi Tuan dan bersatu dengan-Nya demi melaksanakan ekonomi abadi-Nya, pertama-tamanya kita harus menghargai dan mendengar pembicaraan-Nya dengan penuh perhatian supaya kita dapat mengenali hasrat dan keinginan-Nya—1 Sam. 3:9-10, 21; Yes. 50:4-5.
- D. Eli telah memandang ringan akan kehentaran dengan bersikap longgar semasa mendisiplinkan dua orang anaknya yang jahat (1 Sam. 2:28-29); ini mengakibatkan tragedi yang mengakhiri sejarahnya, menamatkan kenikmatannya terhadap tanah permai, dan melemahkan kehentaran dalam wahi divin, iaitu dalam hal berbicara untuk Tuhan; hari ini kita perlu mengambil iktibar Eli dengan memandang tinggi apa-apa yang diberi Tuhan kepada kita dalam pemulihan-Nya.

II. Samuel setia terhadap Tuhan dalam segala status dan jawatan yang diberi Tuhan kepadanya:

- A. Sebagai orang Lewi, dia melayan Tuhan sepanjang hayatnya; sebagai orang Nazir, dia mengekalkan persempahan dirinya tanpa gagal (ay. 35); sebagai hentar-penyabda, dia berbicara untuk Tuhan secara jujur dan memulakan kepenyabdaan bagi menggantikan kehentaran yang semakin lemah dalam wahi divin; sebagai hakim, dia setia terhadap Tuhan dan adil terhadap umat, menamatkan kehakiman dan membawa masuk kemaharajaan untuk mengalihkan zaman bagi menggenapkan ekonomi Tuhan.
- B. Sebagai seorang yang bekerja bersama dengan Tuhan bagi melaksanakan ekonomi-Nya (Yoh. 5:17; 2 Kor. 6:1a), Samuel telah diangkat menjadi penyabda Yehova untuk berbicara bagi-Nya dengan mendengar sabda-Nya (1 Sam. 3:9-10, 20-21); kita perlu sentiasa melatih diri kita agar mempunyai telinga untuk “mendengar apa yang dikatakan Roh itu kepada gereja-gereja” (Wahi 2:7); selain itu, kita perlu mengikut teladan Maria yang “duduk di depan kaki Tuan dan sedang mendengar kata-Nya” (Luk. 10:38-42):

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua Belas (sambungan)

1. Maria duduk di depan kaki Tuan Yesus dan bukan di depan kaki orang lain; tidak ada kaedah yang lebih baik daripada datang kepada-Nya saat demi saat, mengasihi-Nya, menyembah-Nya, dan bersekutu dengan-Nya tanpa henti serta kekal berada dalam hadirat-Nya.
 2. Maria duduk di depan kaki Tuan; dia meletakkan dirinya pada kedudukan yang rendah diri untuk mendengar pembicaraan Tuan dan menerima berkat-Nya; kerendahan diri bukan memandang rendah pada diri kita; kerendahan diri bererti tidak mengendahkan diri, menyangkal diri, dan menganggap diri kita tidak terbilang apa-apa.
 3. Dia duduk; orang yang sibuk sehinggakan teralih perhatian daripada hadirat Tuan mempunyai minda yang melayang-layang dan fikiran yang berbolak-balik; mereka harus menghentikan diri agar dapat meluangkan masa peribadi bersama dengan Tuan setiap hari.
 4. Dia sedang mendengar kata Tuan; kata-kata yang dibicarakan Tuan kepada kita ialah roh dan hayat (Yoh. 6:63); Maria mendengar kata Tuan membolehkan Tuan mempunyai peluang untuk menyalurkan diri-Nya kepada Maria dan mendispenkan diri-Nya ke dalamnya agar dia dapat beroleh Tuan sendiri.
- C. Samuel menikmati bahagian tanah permainya ke tahap paling penuh seumur hidupnya; oleh itu, menurut erti kata Wasiat Baru, kita boleh mengatakan bahawa dalam kenikmatannya terhadap Kristus tidak ada kelemahan; satu-satunya kelemahan dalam sejarah Samuel ialah dia melantik dua orang anaknya menjadi hakim dalam kalangan bani Israel—1 Sam. 8:1-3:
1. Jalan anak-anak Samuel yang tidak adil bertentangan dengan jalan bapa mereka yang murni dan adil seumur hidupnya (12:3-5, 23); ini memberi umat Israel alasan untuk meminta Samuel melantik seorang raja bagi menghakimi mereka seperti semua bangsa lain (8:1-7); oleh itu, anak-anak Samuel tidak harus dikira sebagai hakim dalam kalangan umat Israel (Kis. 13:20), dan bapa mereka Samuel harus dianggap sebagai hakim yang terakhir.
 2. Dari aspek manusia, Samuel telah membuat kesilapan dalam hal ini, namun kesilapan ini membantu Tuhan membawa masuk kemaharajaan untuk mengurus situasi dalam kalangan umat-Nya demi menggenapkan ekonomi-Nya.
- III. Yonatan mengasihi Daud, mendirikan waadah dengannya, dan menjangkakan bahawa Daud akan menjadi raja dan kingdom itu akan menjadi kingdomnya—1 Sam. 18:1-4; 19:1-7; 20:8, 14-17, 41-42; 23:16-18:**
- A. Niat Saul ialah meninggalkan kingdom untuk Yonatan; namun Yonatan tidak ingin menerima kingdom itu, sebaliknya dia mengiktiraf bahawa Daudlah yang sepatutnya berada di atas takhta.
 - B. Yonatan sepatutnya memberitahu bapanya tentang hal ini, kemudian dia sepatutnya meninggalkan bapanya untuk menyertai Daud; dari segi tipologi, Yonatan mengikut Daud boleh menandakan kita mengikut Kristus hari ini dan memberi Dia tempat pertama—Kol. 1:18b; Wahi 2:4.
 - C. Yonatan kehilangan kenikmatan yang wajar dan secukupnya terhadap bahagianya di tanah permai yang dijanjikan Tuhan akibat daripada kegalannya kerana tidak mengikut Daud menurut kehendak Tuhan, disebabkan kasih sayang alamiahnya terhadap bapanya; walaupun Yonatan menyedari bahawa Daud akan menjadi raja, dia tetap bersama dengan bapanya; kesudahan yang tragik ialah dia mengalami nasib yang sama dengan bapanya dan mati bersama dengannya dalam peperangan—1 Sam. 31:2-6.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Dua Belas (sambungan)

D. Yonatan berdiri di antara Saul dengan Daud; dia merupakan seorang yang berdiri di antara dua ministri; dia sepatutnya mengikut ministri yang kedua; namun disebabkan hubungannya yang terlalu dalam dengan ministri pertama, dia tidak dapat melepaskan dirinya:

1. Pada setiap zaman, Tuan mempunyai hal istimewa yang ingin disempurnakan-Nya; Dia mempunyai pemulihan dan kerja-Nya yang ingin dilakukan-Nya; pemulihan dan kerja khusus yang dilakukan-Nya pada satu zaman ialah ministri zaman itu—bd. Kej. 6:13-14.
2. Daud ialah minister zamannya dengan mempunyai ministri zaman itu (Kis. 13:21-22, 36a); dalam zaman Wasiat Lama, Nuh mempunyai ministri zaman itu untuk membina bahtera, Musa mempunyai ministri zaman itu untuk membina tabernakal, dan Daud serta Salomo mempunyai ministri zaman itu untuk membina bait.
3. Minister zaman serta ministri zaman berbeza daripada minister-minister lokal; Luther ialah minister zamannya, dan Darby juga minister zamannya; untuk mengikut ministri zaman sekarang ini, kita perlu melihat visi; Mikhal berkahwin dengan Daud, namun dia tidak melihat apa-apa; dia hanya melihat keadaan luaran Daud, dan dia tidak dapat bertoleran; akibatnya, dia ditinggalkan—2 Sam. 6:16, 20-23.
4. Dalam Wasiat Baru, ministri Tuan Yesus adalah untuk membina gereja sebagai Tubuh Kristus (Mat. 16:18); banyak orang yang mempunyai berian khusus yang dihasilkan dalam kenaikan Tuan ke syurga hanya mempunyai satu ministri, iaitu meministerkan Kristus demi pembinaan Tubuh Kristus, yakni gereja; pembinaan ini bukan disempurnakan secara langsung oleh orang yang mempunyai berian khusus tetapi pekudus yang telah disempurnakan oleh orang yang mempunyai berian khusus (Ef. 4:11-12, 16).
5. Dalam ministri pembinaan Tuhan terdapat orang yang memimpin dalam ministri itu pada setiap zaman; semoga Tuan membuka mata kita untuk melihat bahawa asalkan kita ialah manusia, kita harus menjadi orang Kristian; asalkan kita ialah orang Kristian, kita harus memasuki ministri Tuan pada zaman ini.
6. Seseorang dapat melihat dan menghubungi ministri zaman itu sememangnya merupakan rahmat Tuhan; namun sama ada seseorang itu dapat memberanikan diri untuk meninggalkan ministri yang lepas dan masuk ke dalam ministri Tuhan yang sekarang atau tidak, itu sama sekali hal yang berbeza—bd. 1 Sam. 14:1-46; 2 Sam. 6:16, 20-23.
7. Ministri zaman meministerkan kebenaran yang ada sekarang kepada umat Tuhan; dalam 2 Petrus 1:12 *kebenaran yang ada sekarang* boleh juga diterjemahkan sebagai “kebenaran yang terkini”; setiap pekerja Tuan harus bertanya dan menuntut di hadapan Tuhan berkenaan apa itu kebenaran yang ada sekarang—Mat. 16:18; Ef. 4:15-16; Wahi 2:7, 11, 17, 26-29; 3:5, 12, 21; Mzm. 48:2; Wahi 19:7-9; 21:2.

IV. Saul dipilih oleh Tuhan dan diurapi Samuel untuk menjadi raja atas Israel—1 Sam. 9:1-2, 17; 10:1, 24:

- A. Saul mengingkari sabda Tuhan sekurang-kurangnya dua kali; ini menyebabkan dia kehilangan kemaharajaan dan kingdomnya (13:13-14; 15:19, 23; 28:17-19); apabila Saul mengingkari Tuhan dalam 1 Samuel 15, dia sebenarnya memberontak terhadap Tuhan.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua Belas (sambungan)

- B. Dalam bab ini, Samuel memberitahu Saul, “Pemberontakan adalah seperti dosa penilikan, / Dan keingkaran adalah seperti penyembahan berhala dan terafim” (ay. 23a); mengamalkan penilikan bererti mempunyai perhubungan dengan roh jahat; perkara yang dilakukan Saul dalam pemberontakan terhadap Tuhan adalah seperti dosa penilikan ini; dia ingkar terhadap Tuhan malah menjadi musuh Tuhan; akibatnya, dia kehilangan kemaharajaannya.
 - C. Kesudahan Saul yang tragik sama sekali disebabkan dia tidak mengaitkan dirinya dengan ekonomi Tuhan secara wajar; Tuhan ingin membina kingdom-Nya dalam kalangan umat pilihan-Nya, maka Tuhan membawa Saul ke dalam ekonomi-Nya, tetapi Saul tidak berbahagian dalam ekonomi Tuhan dan bekerjasama dengan ekonomi-Nya, sebaliknya Saul mementingkan diri dan merampas kingdom Tuhan untuk membina monarkinya sendiri; dia dipenuhi pemikiran tentang kemaharajaan, termasuk bagaimana anaknya akan menggantikannya—20:31.
 - D. Dalam hal ini, Saul betul-betul mementingkan diri dan bersalah; akibatnya Tuhan meninggalkan Saul dan mengeratasingskannya, mengoyak kingdom daripadanya (15:28); disebabkan Saul diketepikan Tuhan, dia tersisih keseorangan, seperti anak yatim, yang tidak menerima perbekalan untuk membantunya semasa menghadapi kesusahan.
 - E. Disebabkan sikap Saul yang mementingkan diri, umat Israel menderita kekalahan dan dibunuh dalam peperangan dengan orang Filistin, dan Saul serta anak-anaknya telah dibunuh; cita-cita liar Saul yang ingin memperoleh kingdom untuk dirinya dan untuk anaknya, disertai kecemburuannya terhadap Daud, telah memansuhkan dan menamatkan kenikmatannya terhadap tanah permai yang dijanjikan Tuhan—20:30-34.
 - F. Kematian kolektif Saul, tiga orang anaknya, dan pembawa senjatanya merupakan penghakiman Tuhan yang adil ke atas orang yang memberontak terhadap-Nya, merampas hak-Nya, dan menjadi musuh-Nya (1 Taw. 10:13-14); daripada kesudahan Saul yang tragik, kita harus mengambil iktibar untuk menyalibkan tubuh daging kita dan menyangkal sikap kita yang mementingkan diri—sikap mencari manfaat untuk diri dan kebaikan untuk diri (Gal. 5:24; Mat. 16:24; Flp. 2:3).
 - G. Catatan tentang kesudahan Saul yang teruk merupakan satu amaran yang tegas kepada semua yang melayan dalam kingdom Tuhan agar tidak melakukan kerja yang berasingan dalam kingdom Tuhan atau menyalahgunakan apa-apa dalam kingdom; kita tidak harus menjadi seperti Saul, yang cuba membina “monarki” untuk diri kita; sebaliknya kita semua harus melakukan kerja unik untuk membina kingdom Tuhan, yakni Tubuh Kristus—1 Sam. 31:1-13.
- V. Daud dipilih dan dilantik Tuhan menerusi Samuel untuk menjadi raja Israel—16:1, 12-13:**
- A. Selepas Daud membunuh Goliat, dia dipuji dengan lebih tinggi daripada Saul oleh perempuan Israel (18:7); namun pada Daud tidak ada petunjuk bahawa dia menjadi sompong atau mempunyai cita-cita liar terhadap kemaharajaan; semasa Daud berada di bawah cubaan penindasan Saul, dia teruji lulus sebagai seorang yang sesuai untuk melaksanakan ekonomi Tuhan dengan menukuhkan kingdom Tuhan di bumi.
 - B. Semasa Daud berada di bawah penindasan Saul, dia mempunyai dua peluang untuk menghapuskan Saul, namun Daud tidak ingin berbuat demikian kerana dia bertakwa kepada Tuhan, mengetahui bahawa Saul ialah orang yang diurapi daripada Tuhan; ini menunjukkan bahawa Daud mengekalkan ketertiban yang wajar dalam kingdom Tuhan—bab 24 dan 26; bd. Roma 12:3.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Dua Belas (sambungan)

- C. Oleh sebab Daud ialah seorang yang menurut hati Tuhan, sudah pasti dia mempelajari banyak berkenaan tidak menuntut bela untuk diri sendiri tetapi menyangkal dirinya bagi menggenapi tujuan Tuhan—1 Sam. 13:14a.
- D. Daud ialah model tipikal orang Israel sejati yang berada dalam kenikmatan terhadap tanah permai yang dijanjikan dan diberi oleh Tuhan kepada umat pilihan-Nya; dia yakin kepada Tuhan dan bergerak-hidup bersama dengan Tuhan menurut ketentuan-Nya dan menurut pimpinan serta arahan-Nya dalam semua cubaannya; Daud berharap dapat kekal berada di tanah permai dan berbahagian dalam warisan Tuhan serta melayan-Nya—17:36-37; 23:14-16; 30:6b-10; 26:19b.
- E. Keyakinan Daud yang ikhlas kepada Tuhan dan gerak-hidupnya yang setia bersama dengan Tuhan, menjadikan dia layak sepenuhnya untuk menikmati tanah permai ke tahap yang tinggi, malah mencapai tahap menjadi raja menurut hati Tuhan, menu buhkan satu kingdom yang menjadi kingdom Tuhan di bumi; Daud bersatu dengan Tuhan; apa yang kepunyaan dia kepunyaan Tuhan, dan apa yang kepunyaan Tuhan kepunyaan dia; dia dan Tuhan hanya mempunyai satu kingdom; orang sedemikian menikmati tanah permai yang merupakan tamsil bagi Kristus, sampai kemuncak.
- F. Selepas kematian Saul, “peperangan antara kerabat Saul dengan kerabat Daud berlarutan; tetapi Daud semakin kuat, dan kerabat Saul semakin lemah” (2 Sam. 3:1); Daud didirikan Tuhan sebagai raja serta kingdomnya dijunjung demi umat Tuhan Israel (5:6-25); selain itu, “Daud menjadi semakin kuat, dan Yehova Tuhan ribuan tentera menyertainya” (ay. 10); ini menunjukkan bahawa Daud mempunyai hadirat Tuhan.
- G. Dalam apa-apa jua hal, sekiranya kita tidak mempunyai perasaan dalaman bahawa Tuan bersama dengan kita, kita harus berhati-hati dan mempertimbangkan semula jalan kita (1 Sam. 16:14); dalam pemulihan Tuan, setiap kali kita melakukan apa-apa hal, kita harus memberi perhatian kepada perasaan terhadap hadirat Tuan; kita semua perlu belajar pelajaran memberi perhatian kepada dua perkara: hadirat Tuhan di dalam dan pengesahan di luar dalam sekitaran kita (bd. 2 Sam. 5:11-12).
- H. Tambahan pula, kita semua perlu belajar daripada Daud dalam aspek negatif dan juga aspek positif; nafsu tubuh daging merupakan elemen pemusnah yang boleh membinasakan kita; jika manusia yang salih seperti Daud pun boleh tergoda, bagaimanakah kita dapat terlepas?—11:1-27; bd. 2 Tim. 2:22; 1 Kor. 6:13, 18:
 - 1. Tidak kira apa-apa jua pencapaian dalam pengejarian rohani kita, mana-mana daripada kita memang ada kemungkinan untuk melakukan dosa sedemikian; kita harus membaca catatan ini secara serius dalam hadirat Tuhan; catatan ini memperingatkan kita bahawa memuaskan nafsu tubuh daging ialah perkara yang serius; Daud tergoda hanya dengan sekilas pandang, lalu gagal mengehadkan dirinya.
 - 2. Semua pekudus, terutamanya orang muda, harus memeriksa hati mereka dan mempunyai hati yang berkeazaman besar agar tidak sekali-kali mengikut jalan memuaskan nafsu (Hak. 5:15-16); kita perlu berkata, “Tuan Yesus, aku mengasihi-Mu, aku memerlukan-Mu, dan aku menerima-Mu”; jika kita berbakti demikian, Dia akan menjadi Penyelamat kita dan penyelamatan dinamik kita; sebagai Kristus pneumatik, Dia akan menyelamatkan kita, memelihara kita, dan melindungi kita daripada kecemasan zaman ini, supaya kita dapat mengekalkan kemuliaan yang telah kita capai.